

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI  
BINTI SAMSUDIN [ MASJID TANAH ]**

**TARIKH : 14 OKTOBER 2019 [ ISNIN ]**

**SOALAN NO. 13**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perancangan untuk taman-taman perumahan mewujudkan jawatankuasa mereka sendiri memandangkan taman perumahan diletakkan di bawah kawal seliaan MPKK.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara dasarnya, penubuhan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) adalah di kampung-kampung yang terletak di luar kawasan operasi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan perkara ini adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB). Namun begitu, penentuan persempadanan kampung bagi mewujudkan MPKK adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Melantik Negeri iaitu pihak Kerajaan Negeri masing-masing.

2. Untuk makluman Yang Berhormat selanjutnya, Dasar Komuniti Negara (DKomN) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 23 November 2018. Objektif DKomN adalah untuk mendaya-upayakan komuniti di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana khususnya perumahan berstrata supaya terlibat secara aktif dalam usaha menyelenggara dan mengurus harta awam serta harta bersama.

3. Di bawah DKomN, Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (SMK) akan ditubuhkan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang terpilih. SMK ini merupakan platform untuk memudah cara dan menjalinkan hubungan antara komuniti (iaitu melalui persatuan penduduk) dengan agensi Kerajaan, pihak swasta serta Badan Bukan Kerajaan (NGO). Sebagai permulaan, sebanyak 20 buah PPR yang terlibat dengan penubuhan pejabat SMK di seluruh negara dan senarainya adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>NEGERI</b>	<b>PPR TERPILIH</b>
1.	Perlis	PPR Mukim Sena
2.	Kedah	PPR Paya Nahu 2, Sg. Petani
3.		PPR Taman Dahlia, Langkawi
4.	Pulau Pinang	PPR Taman Bagan Jaya, Butterworth
5.		PPR Taman Manggis, Georgetown
6.	Perak	PPR Paya Simpang Perdana, Taiping
7.		Rumah Pangsa Jalan Hospital, Ipoh
8.	Selangor	PPR Lembah Subang 2, Petaling Jaya
9.		PPR Lembah Subang 1, Petaling Jaya
10.	Negeri Sembilan	PPR Senawang
11.	Melaka	PPR Tehel

BIL.	NEGERI	PPR TERPILIH
12.	Johor	PPR Desa Mutiara, Tebrau
13.		PPR Kempas Permai, Tampoi
14.	Pahang	PPR Seri Kemuning, Temerloh
15.		Flat Perumahan Pak Mahat, Kuantan
16.	Terengganu	PPR Padang Hiliran, Kuala Terengganu
17.	Kelantan	PPR Kota Bharu
18.		PPR Gua Musang
19.	Sabah	PPR Telipok Ria, Tuaran, Kota Kinabalu
20.		PPR Taman Seri Keramat, Putatan, Kota Kinabalu

4. Buat masa ini, KPKT memfokuskan kepada penubuhan 20 buah pejabat SMK bagi membolehkan perancangan dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang melibatkan komuniti di PPR dapat dilaksanakan dengan teratur seterusnya memberi manfaat kepada para penduduk di PPR tersebut. Pejabat SMK boleh bekerjasama dengan MPKK sedia ada di PPR tertentu bagi memastikan program-program bantuan dan inisiatif Kerajaan dapat disampaikan dengan lebih berkesan dan seterusnya memberi impak yang tinggi kepada komuniti di PPR tersebut.

Sekian, terima kasih.